

Pengaplikasian Kaedah Hadis Tematik dalam Pembinaan Isi Kandungan Risalah Dakwah

The Application of the Thematic Hadith Method in the Construction of Da'wah Messages

Aida Hartini Nan (Pengarang Penghubung)

Jabatan Usuludin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6019-3046804 E-mel: aida@usas.edu.my

Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh

Jabatan Usuludin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6017-5956959 E-mel: fazidatul@usas.edu.my

Sakinah Abdul Mokti

Jabatan Usuludin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6012-5694454 E-mel: sakinhah@usas.edu.my

Saadiah Mohd

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6019-6941135 E-mel: saadiah@usas.edu.my

Sharifah Nurulhuda S Ab Latif

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6012-5967254 E-mel: sharifahnurulhuda@usas.edu.my

Abstrak

Risalah dakwah merupakan salah satu rukun dalam dakwah yang harus dititik beratkan terutama dalam memilih kandungan yang bersesuaian dengan keperluan sasaran dakwah. Kandungan risalah dakwah yang baik perlu disertakan dengan hujah berdasarkan dalil-dalil tertentu yang menepati tema risalah tersebut berpandukan kepada latar belakang sasaran dakwah. Justeru, kajian ini dilakukan bagi meneliti tentang konsep ilmu hadith tematik serta kesesuaian pengaplikasian kaedah hadis tematik dalam pembinaan isi kandungan risalah dakwah.

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan sebagai instrumen pengumpulan data dan penganalisisan data melalui pengelasan tema dan deskripsi. Hasil kajian mendapati wujud kesesuaian pengaplikasian melalui tujuh langkah umum hadis tematik dalam menghasilkan isi kandungan risalah dakwah yang benar dan tepat. Kesesuaian tersebut diringkaskan kepada enam proses iaitu penetapan tajuk dan tema risalah dakwah, pengumpulan isi penting yang berkaitan dengan tajuk dan tema, penapisan isi-isu penting berlandaskan skop, membentuk teknik-teknik yang menarik dalam persembahan kandungan risalah,

penggunaan bahasa dalam risalah yang mampu menjaga kredibiliti seorang pendakwah dan akhir sekali kesimpulan atau rumusan yang mampu memberi motivasi. Implikasi kajian ini diharap mampu memberi pemahaman yang jelas kepada pendakwah tentang pentingnya kaedah dan etika dalam menghasilkan kandungan risalah dakwah yang baik.

Kata kunci: Dakwah; Hadis tematik; Isi kandungan risalah; Risalah dakwah; Rukun dakwah

Abstract

The message of da'wah is one of the pillars of da'wah that must be emphasized, especially in selecting content that aligns with the needs of the da'wah target audience. The content of a good da'wah message should be accompanied by arguments based on specific evidence that aligns with the theme of the message. Therefore, this study was conducted to examine the concept of thematic hadith knowledge and the suitability of applying the thematic hadith method in constructing the content of da'wah messages. This study is qualitative in nature, using content analysis methods as data collection instruments and data analysis through theme classification and description. The study found that there is a suitable application through seven (7) general steps of thematic hadith in producing the correct and accurate content of da'wah pamphlets. The suitability is summarized into six (6) processes, namely the determination of the title and theme of the da'wah pamphlet, the collection of important content related to the title and theme, the filtering of important content based on scope, the formation of engaging techniques in the presentation of the pamphlet's content, the use of language in the booklet that can maintain the credibility of a preacher, and finally a conclusion or summary that can provide motivation. The implications of this study are expected to give a clear

understanding to muslim preachers about the importance of methods and ethics in producing good da'wah messages.

Keywords: Da'wah; Thematic hadith; Content of the messages; Da'wah messages; Pillars of da'wah

Pengenalan

Latar Belakang

Amalan dakwah bukan lagi dianggap sebagai satu amalan klise dalam bidang pengajian Islam, bahkan umat Islam zaman kini lebih bijak dalam memahami konteks ilmu dakwah yang merupakan amalan kebiasaan dalam kehidupan manusia melalui kaedah saling mengingati dan menasihati antara satu sama lain. Sesuai dengan firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنٍ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ.

Maksudnya:

“Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

Surah al-'Aṣr (103): 1-3

Menurut Ghazali (1996) perkataan dakwah berasal dari perkataan Arab iaitu (*da'a*, *yad'u*, *da'wah*) yang membawa maksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan. Dari sudut istilah pula, terdapat ramai ulama' dan ahli disiplin ilmu dakwah cuba memberikan tafsiran dakwah mengikut pandangan mereka sendiri. Syeikh Ali (1975) mendefinisikan dakwah sebagai galakan

kepada manusia untuk membuat kebaikan dan berusaha untuk mendapatkan petunjuk daripada Allah s.w.t. Ia juga diertikan sebagai suruhan untuk melakukan perkara yang baik dan meninggalkan segala larangan demi mencapai matlamat dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kandil (1989) pula mendefinisikan dakwah dengan menjelaskan bahawa dakwah adalah segala usaha dan kegiatan yang dijalankan untuk menyeru orang ramai kepada jalan yang benar dan lurus, agar umat manusia dapat mengenal dan percaya kepada Allah s.w.t, Tuhan yang Maha Esa, dan melaksanakan syariatNya, iaitu membentuk urusan dan sistem hidup mereka dalam segala aspek menurut prinsip-prinsip syariah yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Manakala Abd. Aziz (1997) menjelaskan bahawa dakwah itu adalah usaha golongan yang mempunyai kemampuan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada sasaran untuk membawa mereka kepada Islam dan menjauhkan mereka daripada keprcayaan selain daripada Allah, mengikut kaedah-kaedah yang tertentu.

Semua huraian definisi di atas bersesuaian dengan beberapa firman Allah SWT yang berkaitan:

وَمَنْ أَحْسَنُ فَوْلًا مِّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِيلَ
صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya:

“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)”

Surah al-Fuṣṣilat (41): 33

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyeru kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar merekalah orang-orang yang beruntung”.

Aida (2012) pula mendefinikan dakwah adalah sebagai satu gerakan tunjuk ajar bertujuan untuk mengajak manusia kepada Allah SWT dengan menggunakan kaedah amar makruf nahi mungkar.

Melalui keseluruhan pandangan di atas, dapat disimpulkan bahawa amalan dakwah ini terkait dengan amalan penyampaian dan pengajaran kepada manusia tentang agama Islam melalui pendekatan-pendekatan yang menarik dan mudah difahami sama ada secara lisan, tulisan atau perbuatan sehingga manusia cenderung untuk bersetuju dan mengikut kepada ajakan melalui penyampaian tersebut. Maka penyampaian yang baik adalah bergantung kepada kebijaksanaan pendakwah dalam menyusun dan mengolah kandungan risalah dakwah yang disampaikan.

Risalah dakwah adalah merupakan salah satu rukun daripada tiga (3) rukun lain bagi dakwah iaitu pendakwah, sasaran dakwah dan metodologi dakwah. Menurut Kamus Dewan (2014), risalah bermaksud surat siaran, karangan atau rencana ringkas yang bertujuan untuk menyampaikan info atau sesuatu maklumat. Maka boleh difahami risalah dakwah adalah kandungan yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada sasaran.

Menurut Sufyan dan Azhar (2002), isi kandungan ucapan merupakan bahagian yang paling penting dalam sesbuah ucapan dan ia mengambil masa yang panjang berbanding dengan bahagian-bahagian ucapan yang lain. Isi yang bernas adalah mesejnya yang mengandungi 4S iaitu isi sesuatu ucapan mestilah boleh **disebut, disampaikan, disokong dan disimpulkan**.

Menurut Abdul Munir (2014), kaedah persempahan isi dakwah adalah sangat penting yang diistilahkan sebagai *uslūb* dakwah iaitu pendekatan yang digunakan oleh pendakwah dalam memberi faham terhadap isi kandungan dan maklumat dengan mengambil kira penggunaan kata-kata hikmah, peribahasa, dalil atau perumpamaan mestilah bertepatan dengan topik yang ingin disampaikan. Kandungan risalah haruslah diolah dan diuraikan dengan jelas bersama dengan hujah-hujah dan dalil-dalil yang bertepatan dengan isu tersebut. Menurut Izzaty Ulya Munirah dan Zainab (2018), kurangnya persediaan dalam memahami tugas dakwah dan keadaan sasaran dakwah juga memberikan kesan buruk kepada dakwah yang disampaikan kerana kaedah yang digunakan serta mesej yang disampaikan tidak bersesuaian dengan sasaran tersebut.

Kandungan risalah dakwah yang disampaikan juga haruslah mempunyai objektif dan matlamat yang tertentu untuk dicapai. Bagi membentuk objektif dan matlamat sesuatu gerak kerja dakwah, haruslah melihat kepada latar belakang sasaran dakwah berlandaskan beberapa aspek seperti jantina, umur, tahap pendidikan, tahap ekonomi serta uruf dan budaya setempat supaya pendakwah mampu membentuk tema, hujah, dalil, ayat dan olahan yang bersesuaian dengan sasaran dakwah. Kenyataan ini disokong oleh ulama dakwah iaitu Zaydan (1991) dengan menjelaskan bahawa cara dakwah yang berjaya ialah bermula dengan mengenal pasti penyakit (masalah) yang dialami oleh sasaran dakwah, kemudian

mengetahui apa ubatnya. Ulama dakwah yang lain iaitu Ali (1993) juga menyatakan bahawa mengenali *mad'ū* atau sasaran dakwah adalah merupakan salah satu prinsip utama dalam kerja dakwah.

Pemilihan sesuatu tema ataupun tajuk risalah dakwah ini amat dititikberatkan oleh junjungan besar Rasulullah SAW Melihat kepada kepentingan pemilihan risalah dakwah, maka menjadi kewajipan bagi Nabi SAW untuk menyelidiki terlebih dahulu latar belakang sasaran dakwah pada zaman tersebut. Sebagai contoh, ketika awal permulaan dakwah di kota Mekah, isi kandungan utama risalah dakwah yang difokuskan oleh Rasulullah SAW ketika dakwah di Mekah adalah berkaitan dengan mesej akidah dan akhlak dengan membawakan dalil-dalil al-Quran tentang kebesaran dan keesaan Allah SWT serta balasan azab kepada mereka yang menyembah selain Allah SWT Ini kerana melihat kepada keperluan serta gaya hidup semasa masyarakat Arab Quraisy pada waktu itu yang terlibat dengan penyelewengan agama seperti penyembahan berhala serta ketaksuban kepada manusia (Johari 2016).

Contoh lain boleh dilihat ketika zaman nabi-nabi yang terdahulu yang terpaksa berhadapan dengan golongan raja dan pembesar, maka sudah semestinya terdapat pemilihan risalah dakwah yang sesuai yang perlu disampaikan sesuai dengan ciri-ciri serta karakter golongan yang dianggap sebagai penguasa yang mempunyai kuasa memiliki, pempengaruh dan ego yang tersendiri. Antara nabi-nabi yang diuji untuk berdakwah dengan golongan raja dan pembesar adalah seperti Nabi Ibrahim a.s yang berdepan dengan Raja Namrud serta Nabi Isa a.s. yang berhadapan dengan Raja Fir'aun. Menurut Zawawi (2014) antara kandungan risalah dakwah yang difokuskan kepada golongan ini adalah tentang isbat ketuhanan dan kudrat Allah SWT serta ancaman dan azab seksa di dunia dan di akhirat kerana wujudnya sifat keakuan dan

ketuhanan dalam diri mereka sehingga menidakkannya kepada kekuasaan Allah SWT.

Ramai pendakwah masa kini yang mengambil remeh tentang isu penyusunan isi kandungan risalah dakwah sehingga menimbulkan kekeliruan maklumat dalam kalangan masyarakat. Siti Rugayah (2011) pernah menyatakan bahawa kelemahan pendakwah dalam berdakwah adalah kerana mereka yang menguasai isi kandungan atau *mawdu'* (risalah) dakwah atau lebih jelasnya ilmu yang berkaitan dengan hukum-hakam Islam tidak menguasai ilmu yang berkaitan dengan sokongan berdakwah sebagai contohnya, ilmu komunikasi, kaunseling, pengurusan, bahasa dan sosiologi. Selain itu, kegagalan pendakwah dalam menyelidik dan memahami latar belakang sasaran dakwah juga menjadi salah satu faktor kepada kegagalan dalam menentukan isi kandungan dakwah yang bersesuaian seperti, menceritakan pengalaman bahagia bersama ibu dan bapa kepada golongan anak yatim, mengupas isu mazhab kepada sasaran kanak-kanak atau menjelaskan tentang tips hubungan suami isteri kepada sasaran ibu tunggal. Perkara ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan bahkan mewujudkan ketidakselesaan dalam kalangan sasaran sehingga mencetuskan persepsi yang negatif kepada golongan pendakwah. Ini kerana, sangat penting bagi seorang pendakwah itu memahami konsep sosiologi (kemasyarakatan) dalam berdakwah iaitu dakwah Islam yang humanis dengan menekankan pentingnya pendekatan kemanusiaan dengan memperhatikan elemen-elemen psikologi, sosiologi, antropologi, budaya dan pendidikan dalam berdakwah.

Di samping itu, wujudnya perkembangan era teknologi, masyarakat mudah terpengaruh dengan kandungan risalah yang disebarluaskan secara viral tanpa usul periksa terhadap sumber maklumat tersebut. Faktor kebanjiran maklumat di alam maya juga akan mengakibatkan

kekeliruan dalam masyarakat untuk menentukan maklumat yang benar dan tepat (Muhammad Faisal et al., 2019). Muhammad Nor Azery et al. (2023) pula berhujah mengenai isu kredibiliti kandungan maklumat yang diterima terutamanya yang berkaitan dengan agama Islam. Semua ini adalah asbab daripada isi kandungan risalah yang disebarluaskan.

Disebabkan itu, pendakwah perlu mengaplikasikan etika dakwah dengan sebaik mungkin dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang sahih berdasarkan kepada dalil dan hujah yang tepat. Ini merupakan objektif utama kajian ini bagi mengkaji tentang kaedah penyusunan isi kandungan risalah dakwah. Pengkaji melihat antara pendekatan yang mampu membentuk semula kebolehpercayaan serta kreadibiliti dalam isi kandungan risalah dakwah adalah dengan mengaplikasikan kaedah hadis tematik dalam menghasilkan isi kandungan risalah dakwah yang terbaik dan tersusun.

Konsep Hadis Tematik

Definisi hadis tematik (*al-mawdū'īy*) dari sudut bahasa berasal dari kata موضع yang merupakan *isim maf'ul* dari kata *wāda'a* yang maksudnya ialah masalah atau isu permasalahan. Mustafa (1989) pula menjelaskan bahawa *mawdū'īy* ialah meletakkan sesuatu pada suatu tempatnya. Maka, yang dimaksudkan dengan metode *mawdū'īy* adalah mengumpulkan ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Quran atau hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab-kitab hadis yang terkait dengan topik tertentu atau tujuan tertentu kemudian disusun sesuai dengan sebab-sebab munculnya dan pemahamannya dengan penjelasan, pengkajian dan penafsiran dalam masalah tertentu tersebut (Maulana, 2018).

Hadīth al-mawdū'īy merupakan ilmu yang membincangkan sesuatu tajuk atau tema yang berkaitan dengan pemikiran, kemasyarakatan, perekonomian, alam

semula jadi, segala lapangan ilmu pengetahuan dan kehidupan dalam lingkungan hadis-hadis Rasulullah SAW yang berkaitan dengannya. Tujuannya adalah untuk memperoleh konsep kefahaman dan penyelesaian menurut *al-manhaj al-nabawiy* (ajaran yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis-hadis) (Mohd Shukri & Wan Khairul Aiman, 2016).

Menurut Mohd Shukri dan Wan Khairul Aiman (2016) menyebutkan bahawa ilmu *hadīth al-mawdū'iy* (tematik) merupakan salah satu metode penelitian hadis selain metode *al-taḥlīlīy* (analisis). Istilah “teliti” jika dilihat pendefinisianya melalui Kamus Dewan (2024) bermaksud hemat, cermat, saksama, hati-hati, sungguh-sungguh atau waspada. Melalui definisi tersebut dapat difahami bahawa ilmu hadis tematik digunakan dengan tujuan untuk menyelidiki dan memahami secara mendalam dan terperinci terhadap sesuatu hadis yang dikaji. Penelitian ini memerlukan metodologi yang tersusun supaya hadis yang diguna pakai merupakan hadis yang telah disahkan kebenaran dan kesahihannya serta bertepatan dengan topik yang dibincangkan.

Ilmu hadis tematik ini secara tidak langsung telah bermula pada zaman Rasulullah SAW yang sudah semestinya hadis itu adalah kata-kata atau perbuatan yang datang daripada Rasulullah SAW. Cuma penggunaan metode hadis tematik pada waktu itu tidak mempunyai prosedurnya yang tersusun. Ini dapat dilihat melalui pemilihan mesej dakwah Rasulullah SAW adalah bersandarkan kepada judul atau tema-tema yang tertentu seperti mesej dakwah yang memfokuskan tentang pembinaan nilai akidah di Mekah manakala mesej dakwah tentang pembinaan hukum dan amalan ibadah serta strategi jihad difokuskan ketika di Madinah.

Al-Zayyān (2002) pernah merumuskan bahawa idea awal kaedah hadith *al-mawdū'iy* (tematik) ini telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW, tetapi pada ketika itu ia belum dikenali dengan nama kaedah hadith *al-mawdū'iy*. Sebenarnya, nama kaedah hadith *al-mawdū'iy* mula diperkenalkan oleh *muḥaddithīn* pada zaman mutakhir ini (Mohd Shukri & Wan Khairul Aiman 2016). Ibtisam et. al (2022) menukilkan pandangan Yusuf al-Qaradawi bahawa mengumpulkan hadis-hadis yang mempunyai tema yang sama adalah cara yang harus dilakukan untuk menghindari kemungkinan wujudnya kesalahan dalam memahami hadis. Selain itu, metode tematik juga berperanan untuk mempertajamkan kewujudan ilmu hadis sebagai salah satu disiplin ilmu. Ini kerana di dalamnya terdapat pembaharuan ilmu sebagai keperluan masyarakat. Di samping itu, kaedah tematik ini juga dapat membantu memperlihatkan sisi keistimewaan hadis yang menjadi sebahagian daripada wahyu Allah SWT.

Terdapat tujuh langkah umum hadis tematik yang dicadangkan oleh al-Zayyān (2002) diantaranya, ialah (a) Pemilihan tema atau tajuk - Dimulakan dengan memilih tajuk atau tema yang diperlukan oleh umat Islam masa kini. Hal ini penting supaya tajuk yang dipilih itu dapat menyumbang ke arah kemajuan dan ketamadunan Islam. Tajuk atau tema yang dipilih itu perlulah berpotensi untuk menyelesaikan permasalahan umat Islam (al-Zayyān, 2002), (b) Pengumpulan hadis - Seterusnya, pengkaji berusaha mencari dan mengumpulkan semua hadis yang berkaitan dengan tajuk atau tema kajian yang telah dipilih. Proses pengumpulan ini dilakukan secara teliti dari semua sumber utama hadis yang muktabar (al-Zayyān, 2002), (c) Penelitian status hadis - Meneliti sanad hadis mengikut metode ahli hadis seperti menggunakan ilmu *rijāl* (ilmu yang membincang tentang keadaan perawi-perawi, perjalanan hidup mereka, baik mereka dari kalangan sahabat, *tabi'in*, dan

tabi' tabi'in), ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* (ilmu yang membincang tentang keadaan para perawi dari segi penerimaan atau penolakan riwayat mereka), dan ilmu *al-'ilal* (ilmu yang membincangkan suatu sebab yang tidak nampak atau samarsamarnya yang dapat mencacatkan kesahihan sesebuah hadis). Hadis yang terbukti boleh dijadikan hujah sahaja yang dipilih untuk dimasukkan dalam kajian (al-Zayyān, 2002), (d) Mengenal pasti isi-isi penting - Mengenal pasti isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk dan tema kajian berdasarkan hadis-hadis yang dikumpul adalah sangat penting untuk dilakukan bagi mengelak perbincangan terkeluar daripada tajuk dan tema yang telah ditetapkan pada awal proses (al-Zayyān, 2002), (e) Berpegang kepada *manhaj ilmi* (pendekatan akademik) - Para pengkaji mestilah amanah dan jujur dalam *naql* (memindahkan pendapat) dan *naqd* (mengkritik pendapat), bersikap telus, dan tidak memihak kepada mana-mana pihak dalam menangani perbezaan pandangan terutamanya dalam pengambilan hukum dan kefahaman teks supaya mendapat keputusan dan rumusan yang terbaik (al-Zayyān, 2002), (f) Penghuraian teks - Teks-teks hadis yang dipetik mestilah dihuraikan secara tepat tanpa membebankan nas dengan sesuatu perkara yang tidak tertanggung semata-mata kerana muhārrikah membuktikan kewujudan hadis dalam topik perbincangan (al-Zayyān, 2002) dan (g) Perhubungan dengan realiti semasa - Perbincangan tentang tajuk dan tema kajian yang dipilih mestilah dihubungkan dengan realiti semasa masyarakat Muslim. Hal ini bagi memudahkan pencapaian objektif kajian (al-Zayyān, 2002). Justeru, kajian ini dilakukan bagi meneliti tentang konsep ilmu hadith tematik serta kesesuaian pengaplikasian kaedah hadis tematik dalam pembinaan isi kandungan risalah dakwah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan

pendekatan analisis kandungan sebagai instrumen pengumpulan data yang dirujuk melalui bahan-bahan akademik seperti buku, jurnal, dokumen dan latihan akademik. Penganalisisan data adalah melalui pengelasan tema dan deskripsi.

Dapatkan dan Perbincangan

Rukun dakwah terbahagi kepada empat (4) iaitu pendakwah (*dā'i*), sasaran dakwah (*mad'uū*), mesej dakwah (*risalah*) dan metodologi dakwah (*uslūb*). Keempat-empat rukun ini dikatakan sama penting dan saling bergantung antara satu sama lain bagi melengkapkan proses dakwah dan seterusnya memberi kesan yang efektif terhadap keberhasilan dakwah. Kajian ini akan memfokuskan kepada kepentingan rukun ketiga iaitu risalah dakwah. Ini kerana antara faktor kejayaan dakwah adalah berdasarkan kepada tahap kefahaman dan penerimaan risalah dakwah oleh sasaran dakwah yang pelbagai.

Perkataan رسالات merupakan kata jamak dari kata رسالة yang diterjemahkan dengan makna amanat. Kemudian perkataan رسالات dihubungkan dengan kata بلغ yang membawa maksud menyampaikan. Oleh itu, dapat difahami bahawa رسالات yang berbentuk jamak merupakan amanat yang harus disampaikan oleh Rasul-Nya (Safrizal & Nasrul 2024). Firman Allah SWT:

أَبْلَغْتُكُمْ رِسَالَاتِ رَبِّيْ وَأَنْصَحْ لَكُمْ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

"(Tugasku) menyampaikan kepada kamu perintah-perintah yang (diutuskan oleh) Tuhanmu, serta aku memberi nasihat kepada kamu, sedang aku mengetahui (melalui wahyu) dari Allah akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Dalam konteks ilmu pengucapan awam, risalah dikategorikan sebagai mesej atau maklumat yang akan disampaikan oleh pengucap. Menurut Rosmawati et.al (2020), mesej pengucapan awam yang baik perlu mempunyai tiga (3) elemen iaitu pendahuluan atau pembukaan, isi-isi penting dan juga penutup atau kesimpulan. Tiga elemen ini adalah berkaitan tentang gaya persembahan isi kandungan mesej pengucapan yang diistilahkan sebagai *logos* iaitu yang membawa maksud fakta hujah dan kandungan yang memberikan penjelasan contoh. Prinsip *logos* adalah bertujuan untuk memberi warna kepada subjek (sasaran pendengar) yang membolehkan khalayak memahami hujahan alasan dalam isi kandungan tersebut. Aspek *logos* ini akan menyerlahkan lagi kemahiran dan penguasaan pengucap ketika mengulas dan memberi hujah serta contoh yang jelas berdasarkan fakta yang tepat.

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, sebagai seorang pendakwah perlu memahami tentang persediaan dan ciri-ciri untuk membina isi kandungan risalah dakwah yang baik dengan mengekalkan kualiti, kreadibiliti, kesahihan dan kebolehpercayaan mesej yang disampaikan. Oleh itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesesuaian pengaplikasian kaedah hadis tematik dalam pembinaan isi kandungan risalah dakwah. Terdapat hanya enam daripada tujuh langkah umum hadis tematik di atas telah disesuaikan proses pembinaan isi kandungan risalah dakwah seperti berikut: (a) Penetapan tajuk dan tema risalah dakwah dimana pendakwah bertanggungjawab untuk menentukan tajuk dan tema risalah dakwah. Pemilihan tajuk dan tema risalah dakwah perlulah berlandaskan kepada latar belakang atau demografi sasaran dakwah meliputi jantina, tahap umur, pegangan agama, pengalaman beragama, taraf hidup masyarakat, tahap pendidikan, tahap ekonomi serta budaya amalan dan pemikiran sasaran dakwah, (b)

Pengumpulan isi penting yang berkaitan dengan tajuk dan tema dimana pendakwah dikehendaki mengumpulkan segala isi penting daripada seluruh sumber yang berkaitan secara umum dengan tajuk dan tema risalah dakwah. Sumber tersebut haruslah daripada dapatan yang sah berdasarkan fakta-fakta yang benar dan berlandaskan sumber utama iaitu al-Quran, al-Sunnah dan ijтиhad ulama. Antara contoh sumber maklumat adalah melalui media cetak seperti artikel, jurnal, buku, tesis, latihan ilmiah, akhbar dan majalah atau sumber elektronik seperti televisyen dan radio serta melalui sumber media massa seperti internet atau media sosial, (c) Penapisan isi-isi penting berlandaskan skop apabila keseluruhan data dan maklumat yang dikumpulkan, perlu melalui satu proses tapisan dengan tujuan untuk penarafan data. Langkah ini adalah bertujuan untuk memperolehi data yang bertepatan dengan skop yang telah digariskan dan mengikut kepada keperluan sasaran dakwah. Isi penting yang dikemukakan tidaklah terlalu bersifat umum dan luas sehingga sasaran tidak mampu menggarap keseluruhan mesej yang disampaikan. Oleh itu, fakta dan hujah haruslah dibataskan mengikut kepada keperluan dan kefahaman sasaran, (d) Membentuk teknik-teknik yang menarik dalam persembahan kandungan risalah. Pendakwah perlu menerapkan teknik-teknik persembahan yang mampu menarik sasaran untuk mendengar atau membaca kandungan risalah secara berterusan. Antara teknik tersebut adalah seperti kata-kata hikmah, lirik-lirik syair atau lagu, pantun, penceritaan atau jenaka yang bertepatan dengan tema dan skop tajuk yang telah dipilih. Menurut Rosmawati et al. (2020), daya tarikan (*attractiveness*) adalah salah satu faktor yang perlu wujud dalam gaya dan persembahan kandungan risalah, (e) Penggunaan bahasa dalam risalah yang mampu menjaga kreadibiliti seorang pendakwah. Dalam proses penyampaian risalah dakwah, pendakwah perlu mengelak daripada menggunakan bahasa atau ayat-

ayat yang mempu mengundang ketidakselesaan dalam kalangan sasaran dakwah seperti menggunakan bahasa yang kasar, penceritaan yang menyentuh sensitiviti sasaran, menggunakan kata ganti nama yang tidak bersesuaian dengan sasaran atau wujud fakta yang bias atau hanya cenderung kepada sebelah pihak. Pada peringkat ini ia lebih menekankan tentang akhlak pendakwah ketika menyampaikan dakwah yang diistilahkan sebagai ethos dalam ilmu pengucapan awam. Ethos bermakna karakter, kewibawaan, kredibiliti serta perwatakan yang dibawa oleh seorang pendakwah yang menjadi kekuatan untuk menimbulkan kepercayaan sasaran terhadap kandungan risalah dakwah yang disampaikan (Rosmawati et al., 2020), (f) Kesimpulan

atau rumusan yang mampu memberi motivasi. Penutupan risalah dakwah yang baik adalah risalah yang mampu memberi kesan positif kepada sasaran dakwah. Sebagai contoh, pendakwah akhiri risalah dakwah dengan kata-kata semangat sama ada yang diambil daripada ayat-ayat al-Quran atau hadis, kata-kata hikmah ulama ataupun apa sahaja ungkapan yang tidak menyalahi hukum syariat dan adab dalam Islam. Ini bertujuan untuk menyuntik semangat positif dalam diri sasaran untuk memajukan dan memperbaiki kehidupan dengan lebih baik.

Penyesuaian langkah-langkah pembinaan isi kandungan risalah dakwah berlandaskan kaedah hadis tematik yang dibincangkan, diringkaskan seperti Jadual 1.

Jadual 1: Kesesuaian Langkah Umum Hadis Tematik dengan Proses Pembinaan Isi Kandungan Risalah Dakwah

Langkah-langkah Umum Hadis Tematik	Proses pembinaan isi kandungan risalah dakwah
Pemilihan tema atau tajuk	Penetapan tajuk dan tema risalah dakwah
Pengumpulan hadis	Pengumpulan isi penting yang berkaitan dengan tajuk dan tema
Penelitian status hadis	Penapisan isi-isi penting untuk penarafan data
Mengenalpasti isi-isi penting	Membentuk teknik-teknik yang menarik dalam persembahan kandungan risalah
Berpegang kepada <i>manhaj ilmi</i> (pendekatan akademik)	Penggunaan bahasa dalam risalah yang mampu menjaga kredibiliti seorang pendakwah
Penghuraian teks	Kesimpulan atau rumusan yang mampu memberi motivasi
Perhubungan dengan realiti semasa	

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan dalam kertas kerja ini, didapati kaedah hadis tematik yang digunakan oleh para *muḥaddithīn* adalah sesuai diaplikasikan dalam proses pembinaan atau pembentukan isi kandungan risalah dakwah. Bagi tujuan menghasilkan satu kaedah analisis data yang lebih komprehensif, kajian berkaitan kaedah hadis tematik ini boleh diteroka dan diperluaskan lagi secara lebih mendalam sama ada kajian pada peringkat Ijazah

Sarjana Muda, Sarjana atau pada Ijazah Doktor Falsafah.

Rujukan

- Abd. Aziz, M.Z. 1997. Pengantar Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Munir, I. (2014). Dakwah suatu tuntutan dalam Islam. UPSI Press.

Al-Zayyān, R.I. (2002). Al-ḥadīth al-mawdū’iy dirāsah naṣariyyah. Majallah al-Jāmi‘ah

Ali, A.H.M (1993). Fiqh al-Da’wah ila Allah, j. 2, c. 4. Al-Mansurah: Dar al-Wafa’ li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.

Aida, H.N. (2012). Perlaksanaan pendekatan spiritual dakwah dalam kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda, Sungai Merab. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia. http://ir.upm.edu.my/find/Record/b15902_262

Bukhari, M.AG. (2012). Dakwah humanis dengan pendekatan sosiologis-antropologis. Jurnal al-Hikmah, 4: 111-130.

Ghazali, D. 1996. Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

Ibtisam, M., Siti Fazidatul Zahariah, M.S., Norhasyimah, Y. & Berhanundin, A. (2022). Kaedah Mengenal Pasti Status Hadis dan Kesannya dalam Penyampaian Mesej Dakwah. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri, 23(2): 143-152. <https://jurnal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/686/492>

Izzaty Ulya Munirah, A. B., & Zainab, I. (2018). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. Jurnal al-Hikmah, 10 (1): 34-54. <https://journalarticle.ukm.my/13527/1/258-Article%20Text-1168-2-10-20190105.pdf>

Johari, Y. 2006. Mengenali Rasulullah S.A.W. Selangor: Nadi Minda Resources.

Kamus Dewan. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. 4th ed.

Kandil, M.T. 1989. Berdakwah dalam Negara yang Berbilang Kaum dan Agama.

Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Latifah, N. (2021). Al-ḥadīth al-mawdū’iy al-manhaj wa al-ta’ṣil wa al-tamthīl. Dār al-Ṭibāh.

Maulana, I. (2018). Studi hadis tematik. Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis, 1(2): 189-206. [file:///C:/Users JOI/Downloads/961-Article%20Text-2377-1-10-20190701%20\(1\).pdf](file:///C:/Users JOI/Downloads/961-Article%20Text-2377-1-10-20190701%20(1).pdf)

Mohamad Zulkifli, A. G., Nora, A@A., Abdul Ghafar, D., & Adawiyah, I. (2013). Faktor penulisan ilmu dakwah dalam Islam. Jurnal al-Hikmah, 5: 3-17. <https://journalarticle.ukm.my/6764/1/28-106-1-PB.pdf>

Mohd Shukri, H., & Wan Khairul Aiman, W. M. (2016). Pengaplikasian kaedah Hadith al-Mawdu’iy dalam perkaitan Islam. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 1(3): 132-142. www.msocialsciences.com

Muhamad Faisal, A., Nor Faizah, I., & Rosmawati, M. R. (2019). Reaksi Netizen Muda Terhadap Kebanjiran Maklumat di Alam Maya. Malaysian Journal of Communication, 35(3): 390-406.

Muhammad Nor Azery, M., Mohamad Bakri, A. M., & Ikhwan Najmi, S. R. (2023). Keberkesanan Aplikasi *Youtube* Terhadap Pengajian Agama dalam Kalangan Pelajar Fakulti Quran dan Sunnah USIM. E Prosiding Kertas Kerja Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023), 290-302.

Mustafa, M. (2013). Al-Mabāḥith fī al-Tafsīr al-Mawdū’iy. Damsyik: Dār al-Qalam.

Rosmawati, M. R., Zulkefli, A. & Muhammad Faisal, A. (2020). Pengucapan Dakwah. UKM Press.

Safrizal & Nasrul, F. (2024). Makna Risalah dan Relevansinya dengan Tantangan Dakwah. *Jurnal Payung Sekaki*, 1(1): 34-49.

Siti Rugayah, T. (2011). Profesionalisme Dakwah: Harapan dan Cabaran. *Jurnal al-Hikmah*, 2: 167 – 173.

Supyan, H. & Azhar, J. (2002). Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam. Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Syiekh Ali, M. 1975. *Hidayat al-Mursyidin ila Tariq al-Wa^caz wa al-Khitabah*. Kaherah: Al-Matba'ah al-Thamaniyyah.

Zawawi, Y. (2014). Mesej Dakwah Para Rasul (A.S.) Kepada Golongan Pembesar Negara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (8): 86-112.

Zaydan, A.K. (1991), *Usul al-Da'wah*, c. 4. Al-Mansurah: Dar al-Wafa“ li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.

Zulkefli, A., S. Salahudin, S., & Rosmawati, M. R. (2020). Komunikasi dakwah. UKM Press.